



**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,
KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN**

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MEKANISME UNTUK MENENTUKAN KEUNTUNGAN TINGGI YANG TIDAK MUNASABAH

**DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN
KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN
(MEKANISME UNTUK MENENTUKAN KEUNTUNGAN
TINGGI YANG TIDAK MUNASABAH BAGI
BARANGAN) 2016**

$$PA = X_1 + Y$$
$$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$$
$$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$$

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MEKANISME UNTUK MENENTUKAN KEUNTUNGAN TINGGI YANG TIDAK MUNASABAH

PENAFIAN

Keterangan dan contoh dalam Garis Panduan ini adalah sebagai panduan atau rujukan umum sahaja serta tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa. Ia tidak boleh digunakan sebagai rujukan untuk apa-apa tindakan undang-undang. Oleh itu, Kerajaan Malaysia tidak boleh dipertanggungjawabkan atas apa-apa kesilapan, ketinggalan dan ketidaktepatan maklumat dalam penyediaan buku Garis Panduan ini.

PERUTUSAN

MENTERI KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum wbt, Selamat Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Kepada Barangan) 2016 di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 bermula pada 1 Januari 2017. Peraturan ini bertujuan mencegah perbuatan mencatut atau mengambil keuntungan tinggi yang berlebihan dalam kalangan peniaga.

Kaedah ini diwujudkan supaya penentuan keuntungan barangan yang diurusniaga atau dijual oleh peniaga adalah munasabah. Mekanisme yang telah ditetapkan dalam Peraturan ini adalah konsisten dengan pengiraan penentuan keuntungan barangan yang diamalkan oleh perniagaan dan diambilkira berasaskan kepada data maklumat perniagaan yang lepas.

Dalam meneruskan usaha untuk memastikan peniaga dan pengguna memahami Peraturan berkenaan, sebuah Garis Panduan telah disediakan bagi memudahkan kefahaman berhubung dengan mekanisme pencatutan yang dikuatkuasa. Garis Panduan ini menjelaskan secara terperinci mengenai tatacara penentuan keuntungan barangan yang dijual berasaskan formula mekanisme serta menerangkan perlakuan mencatut.

Kementerian berharap penerangan melalui Garis Panduan ini dapat meningkatkan pematuhan peniaga kepada peraturan mekanisme dan sekaligus menentukan harga barangan yang lebih berpatutan kepada pengguna. Pengguna juga dalam masa yang sama dapat meningkatkan pemahaman dan kesedaran mereka terhadap inisiatif Kerajaan dalam melaksanakan penguatkuasaan pencatutan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat.

Tahniah diucapkan kepada Bahagian Penguatkuasa atas penerbitan buku Garis Panduan ini.

YB DATO SRI HAMZAH BIN ZAINUDIN

ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1. PENGENALAN	1
2. TUJUAN	1
3. SKOP PEMAKAIAN	1
4. DEFINISI	2
5. PANDUAN KEPADA MEKANISME PENCATUTAN	3
6. PENENTUAN MEKANISME PENCATUTAN BUKAN PADA HARI PERTAMA TAHUN KALENDAR ATAU TAHUN KEWANGAN	68
7. PENYIMPANAN DAN PENYENGGARAAN DOKUMEN	71
8. HAK DAN TANGGUNGJAWAB PENIAGA KETIKA PEMERIKSAAN	72
9. PENDEKATAN PENGUATKUASAAN	73
10. KESALAHAN DAN PENALTI	74
11. SALURAN PERTANYAAN	76
12. PENUTUP	76

LAMPIRAN

- A. Contoh Senarai Barangan
- B. Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016
- C. Alamat Pejabat-Pejabat KPDNKK Negeri

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN MEKANISME UNTUK MENENTUKAN KEUNTUNGAN TINGGI YANG TIDAK MUNASABAH

1. PENGENALAN

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) berperanan sebagai *Caring Ministry* untuk melindungi pengguna, mewujudkan suasana perniagaan yang kondusif dan melaksanakan inisiatif baharu bagi menangani aktiviti mengambil keuntungan tinggi yang tidak munasabah melalui tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011 dan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016 berkuatkuasa mulai 1 Januari 2017.

2. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan adalah bertujuan:

- i. Memberikan penjelasan dan kefahaman kepada peniaga mengenai peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan pencatutan;
- ii. Meningkatkan pematuhan peniaga kepada mekanisme pencatutan dalam menentukan harga barangan;
- iii. Mencegah aktiviti mencatut di kalangan peniaga; dan
- iv. Mewujudkan amalan perniagaan yang telus, beretika dan suasana perniagaan yang kondusif untuk kepentingan pengguna.

3. SKOP PEMAKAIAN

Garis panduan ini akan menjelaskan skop pemakaian Peraturan-Peraturan Kawalan Harga Dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016 berkaitan kelas barangan berikut:

- i. Makanan dan minuman; dan
- ii. Barangan isi rumah.

4. DEFINISI

Garis Panduan ini mengguna pakai definisi berikut:

Barangan Isi Rumah

Apa-apa barangan isi rumah tidak tahan lama dan produk penjagaan diri (tidak termasuk produk kosmetik), yang dibeli dan digunakan bagi maksud diri, keluarga atau isi rumah (**Rujuk Lampiran A**);

Harga Jualan

Harga apa-apa barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual tidak termasuk semua cukai, duti dan caj Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau apa-apa caj tambahan yang dikenakan oleh peniaga;

Harga Jualan Murah

Harga barangan yang ditunjukkan mengikut apa-apa cara sebagai kurang daripada harga yang barangan itu, atau barangan yang sama perihalan atau sama kelas itu, dijual atau ditawarkan untuk dijual sebelum itu;

Harga Pengenalan

Harga pengenalan bagi apa-apa barangan baharu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual;

Kos

Harga yang perlu dibayar untuk memperolehi barang yang dibekalkan dan kos yang ditanggung berkaitan dengan pengeluaran dan jualan barang;

Makanan dan Minuman

Tiap-tiap barang yang dikilang, dijual atau diberi gambaran untuk digunakan sebagai makanan dan minuman untuk kegunaan manusia atau yang masuk ke dalam atau digunakan dalam kandungan, penyediaan, pengawetan, apa-apa makanan dan minuman dan termasuklah konfeksi, bahan kunyahan dan apa-apa ramuan bagi makanan, minuman, konfeksi atau benda kunyahan itu (**Rujuk Lampiran A**);

Mencatut

Membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah;

Peratusan Margin

Perbezaan harga jualan barang dengan kos barangan yang dikira **berasaskan harga jualan** barang yang dinyatakan dalam nilai peratusan;

Peratusan Tokok (*Mark up*)

Perbezaan harga jualan barang dengan kos barangan yang dikira **berasaskan kos barangan** yang dinyatakan dalam nilai peratusan;

Produk Baharu

Apa-apa produk yang ditawarkan atau diperkenalkan untuk jualan buat pertama kali di pasaran;

Tahun Kalendar

Tempoh satu tahun dari 1 Januari hingga 31 Disember;

Tahun Kewangan

Mana-mana tempoh perakaunan yang bermula dan berakhir selama 12 bulan bagi sesebuah perniagaan;

Tahun Tertentu Itu (Tahun Kewangan Atau Tahun Kalendar Semasa)

Tempoh yang dalamnya penentuan keuntungan tinggi yang tidak munasabah dibuat berdasarkan peratusan *mark up* atau peratusan margin bagi apa-apa barangan tertentu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun semasa.

5. PANDUAN KEPADA MEKANISME PENCATUTAN

5.1 Peniaga perlu memastikan bahawa keuntungan peratusan *mark up* atau peratusan margin pada mana-mana tarikh dalam tahun tertentu tidak melebihi asas peratusan *mark up* atau peratusan margin pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tersebut.

5.1.1 Bagi tujuan mekanisme ini, perkara-perkara berikut hendaklah dikenalpasti:

- (a) Penggunaan **mark up** atau **margin** dalam nilai **peratusan (%)**;
- (b) **Asas peratusan mark up** atau **peratusan margin pada hari pertama** tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu yang dirujuk sebagai P_A ;
- (c) **Peratusan mark up** pada mana-mana tarikh barang dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu yang dirujuk sebagai P_B ;
- (d) **Peratusan margin** pada mana-mana tarikh barang dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu yang dirujuk sebagai P_C ; dan
- (e) Jika P_B atau P_C melebihi P_A , maka ia adalah **mencatut**.

Asas peratusan mark up atau peratusan margin pada hari pertama (P_A)

Bagi tujuan garis panduan ini, semua ilustrasi adalah menggunakan tahun kewangan atau tahun kalendar di mana hari pertama adalah pada setiap 1 Januari.

5.2 Kaedah penentuan pencatutan adalah seperti berikut:

5.2.1 Bagi menetapkan P_A , peniaga hendaklah menggunakan pengiraan sebagaimana berikut:

$$P_A = X_1 + Y$$

di mana;

Mark up	Margin
$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$	$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$

dan;

$Y = T_1$ atau T_2, yang mana lebih tinggi	
$T_1 = (X_1 - X_2)$ $T_2 = (X_2 - X_3)$	
Mark up	Margin
di mana $X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$ $X_2 = \frac{SP_2 - C_2}{C_2} \times 100$ $X_3 = \frac{SP_3 - C_3}{C_3} \times 100$	di mana $X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$ $X_2 = \frac{SP_2 - C_2}{SP_2} \times 100$ $X_3 = \frac{SP_3 - C_3}{SP_3} \times 100$

Petunjuk:

Simbol	Keterangan
P_A	Asas peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu
X_1	Peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin pada hari pertama bagi tahun pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu
X_2	Peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin pada hari pertama bagi tahun kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu
X_3	Peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin pada hari pertama bagi tahun ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu
Y	$Y = T_1$ atau T_2 , yang mana lebih tinggi bagi <i>mark up</i> atau margin
T_1	Perbezaan antara X_1 dan X_2
T_2	Perbezaan antara X_2 dan X_3
SP_1	Harga jualan bagi barangan pada hari pertama bagi tahun pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu
SP_2	Harga jualan bagi barangan pada hari pertama bagi tahun kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu
SP_3	Harga jualan bagi barangan pada hari pertama bagi tahun ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu
C_1	Harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu dan kos yang ditanggung yang disebut dalam SP_1
C_2	Harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barang dan kos yang ditanggung yang disebut dalam SP_2
C_3	Harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barang dan kos yang ditanggung yang disebut dalam SP_3

5.2.2 Contoh asas peratusan *mark up* atau peratusan margin pada hari pertama (P_A)

Situasi berikut menunjukkan contoh bagi pengiraan asas peratusan *mark up* atau peratusan margin (P_A):

Senario 1:

Kedai Sakura Delights merupakan pembekal kek coklat di Putrajaya yang telah beroperasi sejak tahun 2012. Berikut adalah rekod harga jualan kek coklat pada hari pertama tahun kewangan bagi tiga tahun berturut-turut sebaik sebelum tahun 2017 yang telah dikenalpasti dalam menetapkan P_A .

Tarikh	Harga Jualan (RM)	Kos (RM)
1.1.2016	106.00 (Termasuk 6% GST)	84.80 (Termasuk 6% GST)
1.1.2015	100.00	70.00
1.1.2014	80.00	65.00

Perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh Kedai Sakura Delights dalam menetapkan P_A pada **1 Januari 2017**:

Langkah pertama:

Nilai X_1 ditentukan seperti berikut:

Ilustrasi:

- Nilai X_1 mengambilkira **harga jualan (SP_1)** dan **kos (C_1)** pada **tarikh 1.1.2016** seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1: Pengiraan X_1 bagi peratusan *mark up* atau peratusan margin pada 1 Januari 2016

PERKARA	RM
Harga Jualan (Termasuk Cukai) Tolak : Cukai (GST) Harga Jualan (SP_1)	106.00 6.00 100.00
Kos (Termasuk Cukai) Tolak : Cukai (GST) Kos (C_1)	84.80 4.80 80.00
Untung	20.00
Mark up (X_1)	(%)
$= \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$ $= \frac{100.00 - 80.00}{80.00} \times 100$ $= \frac{20.00}{80.00} \times 100$	25.00
Margin (X_1)	(%)
$= \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$ $= \frac{100.00 - 80.00}{100.00} \times 100$ $= \frac{20.00}{100.00} \times 100$	20.00
<p>Nota: Pengiraan di atas menunjukkan bahawa harga dan kos bagi barangan yang dijual hendaklah tidak termasuk semua cukai, duti dan caj Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri bagi Orang Yang Berdaftar atau apa-apa caj tambahan yang dikenakan oleh peniaga.</p>	

Nilai X_1 yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

Tarikh	Perkara	Mark up	Margin
1.1.2016	X_1	25.00%	20.00%

Langkah kedua:

Nilai Y ditentukan seperti berikut:

Nilai Y adalah T_1 atau T_2 yang tertinggi
di mana : $T_1 = X_1 - X_2$ dan $T_2 = X_2 - X_3$

(a) Pengiraan nilai X_1 , X_2 dan X_3 adalah seperti di **Jadual 2**.

Ilustrasi:

- i. Nilai X_1 mengambilkira **harga jualan (SP_1)** dan **kos (C_1)** pada **tarikh 1.1.2016**;
- ii. Nilai X_2 mengambilkira **harga jualan (SP_2)** dan **kos (C_2)** pada **tarikh 1.1.2015**; dan
- iii. Nilai X_3 mengambilkira **harga jualan (SP_3)** dan **kos (C_3)** pada **tarikh 1.1.2014**

Jadual 2: Pengiraan X_1 , X_2 dan X_3 bagi peratusan *mark up* atau peratusan margin

X_3		X_2		X_1	
TRANSAKSI PADA 1.1.2014	RM	TRANSAKSI PADA 1.1.2015	RM	TRANSAKSI PADA 1.1.2016	RM
Harga Jualan (SP_3)	80.00	Harga Jualan (SP_2)	100.00	Harga Jualan (SP_1)	100.00
Kos (C_3)	65.00	Kos (C_2)	70.00	Kos (C_1)	80.00
Untung	15.00	Untung	30.00	Untung	20.00
Mark up (X_3)	(%)	Mark up (X_2)	(%)	Mark up (X_1)	(%)
$= \frac{SP_3 - C_3}{C_3} \times 100$ $= \frac{80.00 - 65.00}{65.00} \times 100$ $= \frac{15.00}{65.00} \times 100$	23.08	$= \frac{SP_2 - C_2}{C_2} \times 100$ $= \frac{100.00 - 70.00}{70.00} \times 100$ $= \frac{30.00}{70.00} \times 100$	42.86	$= \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$ $= \frac{100.00 - 80.00}{80.00} \times 100$ $= \frac{20.00}{80.00} \times 100$	25.00
Margin (X_3)	(%)	Margin (X_2)	(%)	Margin (X_1)	(%)
$= \frac{SP_3 - C_3}{SP_3} \times 100$ $= \frac{80.00 - 65.00}{80.00} \times 100$ $= \frac{15.00}{80.00} \times 100$	18.75	$= \frac{SP_2 - C_2}{SP_2} \times 100$ $= \frac{100.00 - 70.00}{100.00} \times 100$ $= \frac{30.00}{100.00} \times 100$	30.00	$= \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$ $= \frac{100.00 - 80.00}{100.00} \times 100$ $= \frac{20.00}{100.00} \times 100$	20.00

Nilai X_1 , X_2 dan X_3 yang telah dikenalpasti

Tarikh	Perkara	Mark up	Margin
1.1.2016	X_1	25.00%	20.00%
1.1.2015	X_2	42.86%	30.00%
1.1.2014	X_3	23.08%	18.75%

Kira nilai T_1 dan T_2

Perkara	Mark up	Margin
$T_1 = X_1 - X_2$	$= 25.00\% - 42.86\%$ $= -17.86\%$	$= 20.00\% - 30.00\%$ $= -10.00\%$
$T_2 = X_2 - X_3$	$= 42.86\% - 23.08\%$ $= 19.78\%$	$= 30.00\% - 18.75\%$ $= 11.25\%$

Nilai Y adalah T_1 atau T_2 yang tertinggi

Perkara	Mark up	Margin
T_1	-17.86%	-10.00%
T_2	19.78% ✓	11.25% ✓

Nilai Y yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut:

Perkara	Mark up	Margin
Y	19.78%	11.25%

Langkah ketiga:

Penentuan P_A berdasarkan pengiraan seperti berikut:

Asas Peratusan Mark up	Asas Peratusan Margin
$P_A = X_1 + Y$ $= 25.00\% + 19.78\%$ $= 44.78\%$	$P_A = X_1 + Y$ $= 20.00\% + 11.25\%$ $= 31.25\%$

Nilai P_A bagi Kedai Sakura Delights sepanjang tahun 2017 adalah seperti berikut:

P_A	
Mark up	Margin
44.78%	31.25%

Peratusan *mark up* atau peratusan margin pada mana-mana tarikh dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu

5.2.3 Bagi menentukan P_B dan P_C peniaga hendaklah menggunakan pengiraan sebagaimana berikut:

Mark up	Margin
$P_B = \frac{SP_B - C_B}{C_B} \times 100$	$P_C = \frac{SP_C - C_C}{C_C} \times 100$

Petunjuk:

Simbol	Keterangan
P_B	Peratusan <i>mark up</i> yang disebut dalam SP_B pada tarikh barangan itu dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu
P_C	Peratusan margin yang disebut dalam SP_C pada tarikh barangan itu dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu
SP_B	Harga jualan bagi barangan yang dijual pada mana-mana tarikh dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu bagi mendapatkan nilai peratusan <i>mark up</i> (P_B)
SP_C	Harga jualan bagi barangan yang dijual pada mana-mana tarikh dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu bagi mendapatkan nilai peratusan margin (P_C)
C_B	Harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu dan kos yang ditanggung yang disebut dalam SP_B
C_C	Harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barang dan kos yang ditanggung yang disebut dalam SP_C

5.2.4 Situasi penentuan pencatutan dalam tahun tertentu

Situasi berikut menunjukkan contoh bagi pengiraan peratusan *mark up* (P_B) atau peratusan margin (P_C) dalam tahun tertentu:

Pada 1 Januari 2017, Sakura Delights telah menetapkan nilai P_A bagi kek coklat sebanyak **44.78% (*mark up*)** atau **31.25% (*margin*)**. Dalam menentukan nilai P_B atau P_C bagi kek coklat bagi tahun 2017 hendaklah tidak melebihi nilai P_A yang telah ditetapkan.

Berikut adalah nilai P_B atau P_C yang telah dikenal pasti pada tahun 2017:




Jadual 3: Pengiraan peratusan *mark up* (P_B) atau peratusan margin (P_C) dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu

PERKARA	TARIKH		
	01.01.2017 (RM)	01.04.2017 (RM)	01.09.2017 (RM)
Harga Jualan (SP_B atau SP_C)	100.00	110.00	150.00
Kos (C_B atau C_C)	80.00	90.00	90.00
Untung	20.00	20.00	60.00
<i>Mark up</i> (P_B)	(%)	(%)	(%)
$= \frac{SP_B - C_B}{C_B} \times 100$	$= \frac{100.00 - 80.00}{80.00} \times 100$ $= \frac{20.00}{80.00} \times 100$ $= 25.00\%$	$= \frac{110.00 - 90.00}{90.00} \times 100$ $= \frac{20.00}{90.00} \times 100$ $= 22.22\%$	$= \frac{150.00 - 90.00}{90.00} \times 100$ $= \frac{60.00}{90.00} \times 100$ $= 66.67\%$
Margin (P_C)	(%)	(%)	(%)
$= \frac{SP_C - C_C}{SP_C} \times 100$	$= \frac{100.00 - 80.00}{100.00} \times 100$ $= \frac{20.00}{100.00} \times 100$ $= 20.00\%$	$= \frac{110.00 - 90.00}{110.00} \times 100$ $= \frac{20.00}{110.00} \times 100$ $= 18.18\%$	$= \frac{150.00 - 90.00}{150.00} \times 100$ $= \frac{60.00}{150.00} \times 100$ $= 40.00\%$

Penentuan pencatutan


Dalam situasi ini Syarikat Sakura Delights boleh menggunakan peratusan *mark up* atau peratusan margin yang dikenal pasti pada tarikh 1.1.2017 dan pada 1.4.2017. Manakala peratusan *mark up* atau peratusan margin yang dikenal pasti pada 1.9.2017 tidak dibenarkan kerana nilai P_B atau P_C adalah melebihi nilai P_A .

Jadual 4: Penentuan keuntungan tinggi yang tidak munasabah dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu

PERKARA	TARIKH		
	01.01.2017	01.04.2017	01.09.2017
Asas % <i>Mark up</i> (P_A)	44.78%		
Asas % Margin (P_A)	31.25%		
% <i>Mark up</i> (P_B)	25.00%	22.22%	66.67%
% Margin (P_C)	20.00%	18.18%	40.00%
% <i>Mark up</i>	 TIDAK MENCATUT $P_B < P_A$ 25.00% < 44.78%	 TIDAK MENCATUT $P_B < P_A$ 22.22% < 44.78%	 MENCATUT $P_B > P_A$ 66.67% > 44.78%
% Margin	$P_C < P_A$ 20.00% < 31.25%	$P_C < P_A$ 18.18% < 31.25%	$P_C > P_A$ 40.00% > 31.25%
Nota: Peratusan <i>mark up</i> (P_B) atau peratusan margin (P_C) tertentu yang melebihi asas peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin (P_A) adalah mencatut (P_B atau $P_C > P_A$) manakala peratusan <i>mark up</i> (P_B) atau peratusan margin (P_C) tertentu yang kurang atau sama dengan asas peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin (P_A) adalah tidak mencatut (P_B atau $P_C \leq P_A$).			

5.2.5 Ilustrasi penentuan peratusan *mark up* atau peratusan margin bagi tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu adalah seperti di **Rajah 1** dan **Rajah 1a**.

Rajah 1: Penentuan keuntungan tinggi yang tidak munasabah berdasarkan peratusan *mark up* atau peratusan margin bagi barangan pada tahun kalendar tertentu



13

*** Pengiraan % Mark up**
 $X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$


*** Pengiraan % Margin**
 $X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$

Petunjuk:

- SP_1, SP_2, SP_3 = Harga jualan
- C_1, C_2, C_3 = Kos
- X_1, X_2, X_3 = Peratusan *mark up* atau peratusan margin pada hari pertama bagi 3 tahun kalendar tertentu (sebelum)
- T_1, T_2 = Perbezaan peratusan mark up atau margin bagi 3 tahun kalendar tertentu (sebelum)
- Y = Peratusan tertinggi *mark up* atau peratusan margin (T_1 atau T_2)
- P_A = Asas Peratusan *mark up* atau peratusan margin tahun kalendar tertentu
- P_B = Peratusan *mark up* tahun kalendar tertentu
- P_C = Peratusan margin tahun kalendar tertentu

* (Pengiraan X_2 dan X_3 bagi peratusan *mark up* atau peratusan margin adalah sama seperti pengiraan X_1)

Rajah 1a: Penentuan keuntungan tinggi yang tidak munasabah berdasarkan peratusan *mark up* atau peratusan margin bagi barangan pada tahun kewangan tertentu



Situasi X_1 tidak wujud

5.3 Kaedah penentuan bagi situasi X_1 adalah tidak wujud;

5.3.1 Situasi X_1 adalah tidak wujud disebabkan keadaan berikut:

- (a) perniagaan itu wujud hanya pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu (rujuk **Senario 2**: Syarikat Bunga Cinta Sdn. Bhd); atau
- (b) barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu (rujuk **Senario 3**: Syarikat GLK Sdn. Bhd.).

5.3.2 Nilai X_1 hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

Peratusan <i>Mark up</i>	Peratusan Margin
$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$	$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$

Petunjuk:

Simbol	Keterangan
X_1	(a) Peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu
	(b) Peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu
SP_1	(a) Harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak pernah dijual atau ditawarkan untuk dijual sebelum hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu
	(b) Harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika perniagaan itu tidak wujud sebelum hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu
C_1	Harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_1 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan barangan itu.

Situasi Y tidak wujud

5.4 Kaedah penentuan bagi situasi Y adalah tidak wujud;

5.4.1 Situasi Y adalah tidak wujud disebabkan keadaan berikut:

- (a) barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun tertentu itu (rujuk **Senario 2**: Syarikat Bunga Cinta Sdn. Bhd.);
- (b) perniagaan itu wujud hanya pada atau selepas hari pertama tahun tertentu itu (rujuk **Senario 3**: Syarikat GLK Sdn. Bhd.); atau
- (c) barangan itu tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun yang pertama, kedua atau ketiga sebaik sebelum tahun tertentu itu (rujuk **Senario 4**: Kedai Runcit Ombak Rindu dan **Senario 5**: Kedai Laris Selalu).

5.4.2 Nilai Y hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

- $Y = T_1$
- $T_1 = (X_1 - X_2)$

$Y = T_1$	
<i>Mark up</i>	<i>Margin</i>
$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$	$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$
$X_2 = \frac{SP_2 - C_2}{C_2} \times 100$	$X_2 = \frac{SP_2 - C_2}{SP_2} \times 100$

Petunjuk:

Simbol	Keterangan
X_1	Berhubung dengan SP_1 ialah kenaikan pertama dalam peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin bagi barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu
X_2	(a) Berhubung dengan SP_2 ialah peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin bagi barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu
	(b) Berhubung dengan SP_2 ialah peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin bagi barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu
	(c) Berhubung dengan SP_2 ialah peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin bagi barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu
SP_1	Harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada tarikh kenaikan pertama dalam peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu
SP_2	(a) Harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak pernah dijual atau ditawarkan untuk dijual sebelum hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu
	(b) Harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika perniagaan itu tidak wujud sebelum hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu
	(c) Harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama, kedua atau ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau kalendar tertentu itu
C_1	Harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu dan kos yang ditanggung yang disebut dalam SP_1
C_2	Harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barang dan kos yang ditanggung yang disebut dalam SP_2
T_1	Perbezaan antara X_1 dan X_2

5.5 Contoh-contoh situasi X_1 dan Y tidak wujud

5.5.1 Situasi jika X_1 dan Y tidak wujud disebabkan oleh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual **pada kali pertama atau selepas hari pertama tahun tertentu itu.**

Senario 2:

Syarikat Bunga Cinta Sdn. Bhd. melancarkan produk baharu pencuci muka berjenama Clarity pada 5 April 2017 yang mana produk ini tidak pernah dijual atau dibekalkan sebelum ini. Rekod harga jualan dan kos bagi produk tersebut adalah sebagai mana berikut:

- i. Pada hari pelancaran 5 April 2017, produk tersebut telah dijual pada harga RM30.00, manakala kos produk adalah RM25.00; dan
- ii. Pada 5 Oktober 2017, Syarikat Bunga Cinta Sdn. Bhd. mendapat bekalan dengan kos yang lebih rendah iaitu RM23.00 dan masih mengekalkan harga jualan iaitu RM30.00.

Perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh Syarikat Bunga Cinta Sdn. Bhd dalam menetapkan P_A pada 5 Oktober 2017:

Langkah pertama:

Kira nilai X_1

Nilai X_1 adalah peratusan *mark up* atau peratusan margin bagi barangan itu dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun tersebut itu iaitu merujuk kepada harga jualan (SP_1) dan kos (C_1) pada tarikh **5.4.2017**.

Pengiraan nilai X_1 adalah seperti **Jadual 5**.

Jadual 5: Pengiraan peratusan *mark up* atau peratusan margin (X_1)

TRANSAKSI PADA 5.4.2017	RM
Harga Jualan (SP_1)	30.00
Kos (C_1)	25.00
Untung	5.00
<i>Mark up</i> (X_1)	(%)
$= \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$ $= \frac{30.00 - 25.00}{25.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{25.00} \times 100$	20.00
Margin (X_1)	(%)
$= \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$ $= \frac{30.00 - 25.00}{30.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{30.00} \times 100$	16.67
<p>Nota: X_1 adalah peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin pada kali pertama barangan dijual.</p>	

Nilai X_1 yang telah dikenalpasti

Tarikh	Perkara	<i>Mark up</i>	Margin
5.4.2017	X_1	20.00%	16.67%

Langkah kedua:

Tentukan nilai **Y**

Nilai **Y** adalah perbezaan antara **kenaikan pertama** dalam peratusan *mark up* atau peratusan margin yang dijual selepas hari pertama (**X₁**) dengan peratusan *mark up* atau peratusan margin yang **dijual pada kali pertama** tahun tertentu itu (**X₂**).

- $Y = T_1$
- $T_1 = (X_1 - X_2)$

Nilai **X₁** mengambilkira harga jualan (**SP₁**) dan kos (**C₁**) pada **kenaikan pertama dalam tahun tertentu itu** iaitu pada tarikh **5.10.2017**

Nilai **X₂** mengambilkira harga jualan (**SP₂**) dan kos (**C₂**) pada **kali pertama dalam tahun tertentu itu** iaitu pada tarikh **5.4.2017**

Pengiraan nilai **Y** adalah seperti **Jadual 6**.

Jadual 6: Pengiraan bagi penentuan nilai Y

X_2		X_1	
TRANSAKSI PADA 5.4.2017	RM	TRANSAKSI PADA 5.10.2017 (Kenaikan pertama)	RM
Harga Jualan (SP_2)	30.00	Harga Jualan (SP_1)	30.00
Kos (C_2)	25.00	Kos (C_1)	23.00
Untung	5.00	Untung	7.00
Mark up (X_2)	(%)	Mark up (X_1)	(%)
$= \frac{SP_2 - C_2}{C_2} \times 100$ $= \frac{30.00 - 25.00}{25.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{25.00} \times 100$	20.00	$= \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$ $= \frac{30.00 - 23.00}{23.00} \times 100$ $= \frac{7.00}{23.00} \times 100$	30.43
Margin (X_2)	(%)	Margin (X_1)	(%)
$= \frac{SP_2 - C_2}{SP_2} \times 100$ $= \frac{30.00 - 25.00}{30.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{30.00} \times 100$	16.67	$= \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$ $= \frac{30.00 - 23.00}{30.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{30.00} \times 100$	23.33
<p style="text-align: center;">Penentuan Y</p> <p style="text-align: center;">$Y = T_1$</p>		<p>% Mark up</p> $T_1 = X_1 - X_2$ $= 30.43\% - 20.00\%$ $= 10.43\%$	
		<p>% Margin</p> $T_1 = X_1 - X_2$ $= 23.33\% - 16.67\%$ $= 6.66\%$	
<p>Nota:</p> <p>i) X_1 adalah kenaikan pertama peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar (5.10.2017);</p> <p>ii) T_1 adalah perbezaan di antara X_1 dengan X_2;</p> <p>iii) Y ialah nilai T_1;</p> <p>iv) X_1 di Jadual 5 menjadi X_2 apabila berlaku kenaikan pertama bagi peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin; dan</p> <p>v) Jika berlaku kenaikan peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin pada kali pertama adalah tidak menjadi kesalahan mencatat.</p>			

Nilai Y adalah seperti berikut:

Perkara	Mark up	Margin
Y	10.43%	6.66%

Langkah ketiga:

Pengiraan P_A adalah seperti berikut:

Asas Peratusan <i>Mark up</i>	Asas Peratusan Margin
$P_A = X_1 + Y$ $= 20.00\% + 10.43\%$ $= 30.43\%$	$P_A = X_1 + Y$ $= 16.67\% + 6.66\%$ $= 23.33\%$



Penentuan pencatutan

5.5.2 Situasi penentuan pencatutan dalam tahun tertentu itu


- i. Pada 5 Oktober 2017, Syarikat Bunga Cinta Sdn. Bhd. mendapat bekalan dengan kos yang lebih rendah iaitu RM23.00 dan masih mengekalkan harga jualan iaitu RM30.00; dan
- ii. Pada 5 Disember 2017, Syarikat Bunga Cinta Sdn. Bhd. telah menaikkan harga jualan kepada RM34.00 di mana kos produk tidak berubah iaitu RM23.00.

Pengiraan peratusan *mark up* (P_B) atau peratusan margin (P_C) adalah seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7: Pengiraan peratusan *mark up* (P_B) atau peratusan margin (P_C)

TRANSAKSI PADA 5.10.2017 (Kenaikan pertama)	RM	TRANSAKSI PADA 5.12.2017 (Kenaikan kedua)	RM
Harga Jualan (SP_B atau SP_C)	30.00	Harga Jualan (SP_B atau SP_C)	34.00
Kos (C_B atau C_C)	23.00	Kos (C_B atau C_C)	23.00
Untung	7.00	Untung	11.00
Mark up (P_B)	(%)	Mark up (P_B)	(%)
$= \frac{SP_B - C_B}{C_B} \times 100$ $= \frac{30.00 - 23.00}{23.00} \times 100$ $= \frac{7.00}{23.00} \times 100$	30.43%	$= \frac{SP_B - C_B}{C_B} \times 100$ $= \frac{34.00 - 23.00}{23.00} \times 100$ $= \frac{11.00}{23.00} \times 100$	47.83%
Margin (P_C)	(%)	Margin (P_C)	(%)
$= \frac{SP_C - C_C}{SP_C} \times 100$ $= \frac{30.00 - 23.00}{30.00} \times 100$ $= \frac{7.00}{30.00} \times 100$	23.33%	$= \frac{SP_C - C_C}{SP_C} \times 100$ $= \frac{34.00 - 23.00}{34.00} \times 100$ $= \frac{11.00}{34.00} \times 100$	32.35%
 <p>TIDAK MENCATUT</p>		 <p>MENCATUT</p>	
<p>% mark up $P_B = P_A$ 30.43% = 30.43%</p>		<p>% margin $P_C = P_A$ 23.33% = 23.33%</p>	
<p>% mark up $P_B > P_A$ 47.83% > 30.43%</p>		<p>% margin $P_C > P_A$ 32.35% > 23.33%</p>	
<p>Nota: Kenaikan pertama dalam peratusan <i>mark up</i> (P_B) atau peratusan margin (P_C) selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu bagi senario Y tidak wujud adalah tidak mencatut manakala kenaikan peratusan <i>mark up</i> (P_B) atau peratusan margin (P_C) seterusnya yang melebihi asas peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin (P_A) adalah mencatut</p>			

Rajah 2: Ilustrasi bagi situasi X_1 dan Y tidak wujud bagi Syarikat Bunga Cinta Sdn. Bhd.



5.5.3 Situasi jika X_1 dan Y tidak wujud disebabkan oleh **perniagaan itu wujud hanya pada atau selepas hari pertama** tahun tertentu itu.

Senario 3:

Syarikat GLK Sdn. Bhd. merupakan sebuah syarikat yang membekalkan Roti Paratha GLK sejuk beku yang baharu memulakan perniagaan pada 5 April 2017 yang mana tarikh tersebut merupakan hari pertama syarikat ini beroperasi. Rekod jualan adalah sebagaimana berikut:

- i. Pada hari pembukaan 5 April 2017, makanan sejuk beku tersebut dijual pada harga RM15.00, dengan kos sebanyak RM10.00; dan
- ii. Pada 11 Julai 2017 syarikat GLK Sdn. Bhd. telah menaikkan harga jualan kepada RM16.00 dengan kos yang sama iaitu RM10.00.

Perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh Syarikat GLK Sdn. Bhd dalam menetapkan P_A pada 11 Julai 2017:

Langkah pertama:

Kira nilai X_1

Nilai X_1 mengambilkira harga jualan (SP_1) dan kos (C_1) pada tarikh barangan itu **kali pertama dijual** selepas hari pertama tahun tertentu itu iaitu pada tarikh **5.4.2017**

Pengiraan nilai X_1 adalah seperti **Jadual 8**.

Jadual 8: Pengiraan peratusan *mark up* atau peratusan margin (X_1)

TRANSAKSI PADA 5.4.2017	RM
Harga Jualan (SP_1)	15.00
Kos (C_1)	10.00
Untung	5.00
Mark up (X_1)	(%)
$= \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$ $= \frac{15.00 - 10.00}{10.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{10.00} \times 100$	50.00%
Margin (X_1)	(%)
$= \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$ $= \frac{15.00 - 10.00}{15.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{15.00} \times 100$	33.33%
<p>Nota: X_1 adalah peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin pada hari pertama perniagaan beroperasi.</p>	

Nilai X_1 yang telah dikenalpasti

Tarikh	Perkara	Mark up	Margin
5.4.2017	X_1	50.00%	33.33%

Langkah kedua:

Tentukan nilai Y

Nilai Y adalah kenaikan pertama peratusan *mark up* atau peratusan margin dalam tahun tertentu itu iaitu T_1

- $Y = T_1$
- $T_1 = (X_1 - X_2)$

Nilai X_1 adalah kenaikan pertama peratusan *mark up* atau peratusan margin dalam tahun tertentu itu iaitu harga jualan (SP_1) dan kos (C_1) pada tarikh **11.7.2017**

Nilai X_2 adalah peratusan *mark up* atau peratusan margin barangan itu dijual kali pertama iaitu mengambilkira harga jualan (SP_2) dan kos (C_2) pada tarikh **5.4.2017**

Pengiraan nilai Y adalah seperti **Jadual 9**.

Jadual 9: Pengiraan bagi penentuan nilai Y

X_2		X_1	
TRANSAKSI PADA 5.4.2017	RM	TRANSAKSI PADA 11.7.2017 (Kenaikan pertama)	RM
Harga Jualan (SP_2)	15.00	Harga Jualan (SP_1)	16.00
Kos (C_2)	10.00	Kos (C_1)	10.00
Untung	5.00	Untung	6.00
<i>Mark up</i> (X_2)	(%)	<i>Mark up</i> (X_1)	(%)
$= \frac{SP_2 - C_2}{C_2} \times 100$ $= \frac{15.00 - 10.00}{10.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{10.00} \times 100$	50.00%	$= \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$ $= \frac{16.00 - 10.00}{10.00} \times 100$ $= \frac{6.00}{10.00} \times 100$	60.00%
<i>Margin</i> (X_2)	(%)	<i>Margin</i> (X_1)	(%)
$= \frac{SP_2 - C_2}{SP_2} \times 100$ $= \frac{15.00 - 10.00}{15.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{15.00} \times 100$	33.33%	$= \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$ $= \frac{16.00 - 10.00}{16.00} \times 100$ $= \frac{6.00}{16.00} \times 100$	37.50%
<p style="text-align: center;">Penentuan Y</p> <p style="text-align: center;">$Y = T_1$</p>		<p>% Mark up</p> $T_1 = X_1 - X_2$ $= 60.00\% - 50.00\%$ $= 10.00\%$	
		<p>% Margin</p> $T_1 = X_1 - X_2$ $= 37.50\% - 33.33\%$ $= 4.17\%$	
<p>Nota:</p> <p>i) X_1 adalah kenaikan pertama peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar (11.7.2017);</p> <p>ii) T_1 adalah perbezaan di antara X_1 dengan X_2;</p> <p>iii) Y ialah nilai T_1;</p> <p>iv) X_1 di Jadual 8 menjadi X_2 apabila berlaku kenaikan pertama bagi peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin; dan</p> <p>v) Tidak menjadi kesalahan mencatat jika berlaku kenaikan peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin pada kali pertama.</p>			

Nilai Y adalah seperti berikut:

Perkara	Mark up	Margin
Y	10.00%	4.17%

Langkah ketiga:

Pengiraan P_A adalah seperti berikut:

Asas Peratusan Mark Up	Asas Peratusan Margin
$P_A = X_1 + Y$ $= 50.00\% + 10.00\%$ $= 60.00\%$	$P_A = X_1 + Y$ $= 33.33\% + 4.17\%$ $= 37.50\%$



Penentuan pencatutan

5.5.4 Situasi penentuan pencatutan dalam tahun tertentu itu


- i. Pada 7 Oktober 2017, Syarikat GLK Sdn. Bhd. mendapat bekalan Roti Paratha GLK sejuk beku dengan kos yang lebih rendah iaitu RM9.00 dan menurunkan harga jualan iaitu RM14.00; dan
- ii. Pada 5 Disember 2017, Syarikat GLK Sdn. Bhd. telah menaikkan harga jualan kepada RM15.00 di mana kos produk tidak berubah iaitu RM9.00.

Pengiraan adalah seperti di **Jadual 10**.

Jadual 10: Pengiraan peratusan *mark up* (P_B) atau peratusan margin (P_C)

TRANSAKSI PADA 7.10.2017	RM	TRANSAKSI PADA 5.12.2017 (Kenaikan kedua)	RM
Harga Jualan (SP_B atau SP_C)	14.00	Harga Jualan (SP_B atau SP_C)	15.00
Kos (C_B atau C_C)	9.00	Kos (C_B atau C_C)	9.00
Untung	5.00	Untung	6.00
Mark up (P_B)	(%)	Mark up (P_B)	(%)
$= \frac{SP_B - C_B}{C_B} \times 100$ $= \frac{14.00 - 9.00}{9.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{9.00} \times 100$	55.56%	$= \frac{SP_B - C_B}{C_B} \times 100$ $= \frac{15.00 - 9.00}{9.00} \times 100$ $= \frac{6.00}{9.00} \times 100$	66.67%
Margin (X_2)	(%)	Margin (P_C)	(%)
$= \frac{SP_C - C_C}{SP_C} \times 100$ $= \frac{14.00 - 9.00}{14.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{14.00} \times 100$	35.71%	$= \frac{SP_C - C_C}{SP_C} \times 100$ $= \frac{15.00 - 9.00}{15.00} \times 100$ $= \frac{6.00}{15.00} \times 100$	40.00%
 <p>TIDAK MENCATUT</p>		 <p>MENCATUT</p>	
<p>% mark up $P_B < P_A$ 55.56% < 60.00%</p>		<p>% mark up $P_B > P_A$ 66.67% > 60.00%</p>	
<p>% margin $P_C < P_A$ 35.71% < 37.50%</p>		<p>% margin $P_C > P_A$ 40.00% > 37.50%</p>	
<p>Nota: Peratusan <i>mark up</i> (P_B) atau peratusan margin (P_C) pada 7 Oktober 2017 bagi senario X_1 dan Y tidak wujud adalah tidak mencatut manakala kenaikan peratusan <i>mark up</i> (P_B) atau peratusan margin (P_C) seterusnya yang melebihi asas peratusan <i>mark up</i> atau peratusan margin (P_A) adalah mencatut.</p>			

Rajah 3: Ilustrasi situasi Y tidak wujud disebabkan perniagaan itu wujud hanya pada atau selepas hari pertama bagi Syarikat GLK Sdn. Bhd.



5.5.5 Situasi jika Y tidak wujud disebabkan barangan tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual **dalam tahun kedua** sebaik sebelum tahun tertentu itu.

Senario 4: Kedai Runcit Ombak Rindu telah menjual ubat gigi jenama Cerah dan rekod jualan dan kos adalah seperti berikut:

- i. Sepanjang tahun 2014 dijual dengan harga RM10.00 dan kos RM7.00;
- ii. Sepanjang tahun 2015, peniaga menghentikan penjualan produk tersebut;
- iii. Pada 1 Januari 2016 produk yang sama telah kembali dijual dengan harga baharu iaitu RM12.00 dengan kos yang sama iaitu RM7.00;
- iv. Pada 1 Januari 2017, harga jualan adalah RM12.00 dan kos adalah RM7.00; dan
- v. Pada 1 Julai 2017, Kedai Runcit Ombak Rindu telah menaikkan harga jualan ubat gigi kepada RM13.00 dengan kos RM7.50.

Perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh Kedai Runcit Ombak Rindu bagi menetapkan P_A pada 1 Januari 2017 dalam pengiraan pencatutan:

Langkah pertama:

Kira nilai X_1

Nilai X_1 mengambilkira harga jualan (SP_1) dan kos (C_1) pada **hari pertama dijual** iaitu pada tarikh **1.1.2016** seperti di **Jadual 11**.

Jadual 11: Pengiraan bagi penentuan nilai X_1

TRANSAKSI PADA 1.1.2016	RM
Harga Jualan (SP_1)	12.00
Kos (C_1)	7.00
Untung	5.00
Mark up (X_1)	(%)
$= \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$ $= \frac{12.00 - 7.00}{7.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{7.00} \times 100$	71.43%
Margin (X_1)	(%)
$= \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$ $= \frac{12.00 - 7.00}{12.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{12.00} \times 100$	41.67%
<p>Nota: X_1 adalah peratusan mark up atau peratusan margin pada 1.1.2016</p>	

Nilai X_1 yang telah dikenalpasti

Tarikh	Perkara	Mark up	Margin
1.1.2017	X_1	71.43%	41.67%

Langkah kedua:

Tentukan nilai Y

Pengiraan adalah seperti di **Jadual 12**.

Jadual 12: Pengiraan peratusan *mark up* atau peratusan margin dalam situasi barangan tidak dijual pada tahun kedua sebaik sebelum tahun tertentu itu

X_3		X_2		X_1	
TRANSAKSI PADA 1.1.2014	RM	TRANSAKSI PADA 1.1.2015	RM	TRANSAKSI PADA 1.1.2016	RM
Harga Jualan (SP_3)	10.00	Harga Jualan (SP_2)	Tidak Dijual	Harga Jualan (SP_1)	12.00
Kos (C_3)	7.00	Kos (C_2)		Kos (C_1)	7.00
Untung	3.00	Untung		Untung	5.00
<i>Mark up</i> (X_3)	(%)	<i>Mark up</i> (X_2)		<i>Mark up</i> (X_1)	(%)
$= \frac{SP_3 - C_3}{C_3} \times 100$ $= \frac{10.00 - 7.00}{7.00} \times 100$ $= \frac{3.00}{7.00} \times 100$	42.86%	$= \frac{SP_2 - C_2}{C_2} \times 100$		$= \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$ $= \frac{12.00 - 7.00}{7.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{7.00} \times 100$	71.43%
<i>Margin</i> (X_3)	(%)	<i>Margin</i> (X_2)		<i>Margin</i> (X_1)	(%)
$= \frac{SP_3 - C_3}{SP_3} \times 100$ $= \frac{10.00 - 7.00}{10.00} \times 100$ $= \frac{3.00}{10.00} \times 100$	30.00%	$= \frac{SP_2 - C_2}{SP_2} \times 100$	$= \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$ $= \frac{12.00 - 7.00}{12.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{12.00} \times 100$	41.67%	
Penentuan Y $Y = T_1$ atau T_2		<i>% Mark up</i> $T_2 = X_2 - X_3$	-	<i>% Mark up</i> $T_1 = X_1 - X_2$	-
		<i>% Margin</i> $T_2 = X_2 - X_3$	-	<i>% Margin</i> $T_1 = X_1 - X_2$	-
				<i>Y (Mark up tertinggi)</i>	-
				<i>Y (Margin tertinggi)</i>	-

Dalam situasi ini, nilai Y tidak dapat ditentukan kerana X_1 , X_2 dan X_3 tidak boleh diambil kira dalam menentukan Y .

Pengiraan nilai Y adalah kenaikan pertama dalam peratusan *mark up* atau peratusan margin iaitu T_1 dalam tahun tertentu itu (2017)

- $Y = T_1$
- $T_1 = (X_1 - X_2)$

Nilai X_1 merujuk kepada **kenaikan pertama** dalam peratusan *mark up* atau peratusan margin selepas hari pertama dalam tahun 2017 iaitu mengambilkira harga jualan (SP_1) dan kos (C_1) pada tarikh **1.7.2017**

Nilai X_2 merujuk kepada peratusan *mark up* atau peratusan margin pada **jualan kali pertama** dalam tahun 2017 iaitu mengambilkira harga jualan (SP_2) dan kos (C_2) pada tarikh **1.1.2017**

Pengiraan nilai Y adalah seperti di **Jadual 13**.

Jadual 13: Pengiraan bagi penentuan nilai Y

X_2		X_1	
TRANSAKSI PADA 1.1.2017	RM	TRANSAKSI PADA 1.7.2017 (Kenaikan pertama)	RM
Harga Jualan (SP_2)	12.00	Harga Jualan (SP_1)	13.00
Kos (C_2)	7.00	Kos (C_1)	7.50
Untung	5.00	Untung	5.50
Mark up (X_2)	(%)	Mark up (X_1)	(%)
$= \frac{SP_2 - C_2}{C_2} \times 100$ $= \frac{12.00 - 7.00}{7.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{7.00} \times 100$	71.43%	$= \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$ $= \frac{13.00 - 7.50}{7.50} \times 100$ $= \frac{5.50}{7.50} \times 100$	73.33%
Margin (X_2)	(%)	Margin (X_1)	(%)
$= \frac{SP_2 - C_2}{SP_2} \times 100$ $= \frac{12.00 - 7.00}{12.00} \times 100$ $= \frac{5.00}{12.00} \times 100$	41.67%	$= \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$ $= \frac{13.00 - 7.50}{13.00} \times 100$ $= \frac{5.50}{13.00} \times 100$	42.31%
7	Seksyen 27	Memusnah, menyembunyi, mencacat atau mengubah apa-apa buku, rekod akaun, dokumen atau data komputer yang disimpan dengan niat untuk memfraud Penolong Pengawal.
8	Seksyen 32(1)	Menzahirkan kepada mana-mana orang lain maklumat atau apa-apa perkara lain yang akan menjejaskan penyiasatan .
9	Seksyen 39	Menghalang mana-mana Penolong Pengawal dalam melaksanakan kewajipan yang dikenakan atau kuasa yang diberikan di bawah akta ini.
10	Seksyen 53A	Tidak menyimpan dan menyelenggarakan rekod yang wajar berhubung dengan kendalian perniagaan.

10.2 Penalti Am bagi kesalahan-kesalahan lain di bawah AKHAP 2011:

PERKARA	PENALTI KESALAHAN	
	KESALAHAN PERTAMA	KESALAHAN KEDUA/ BERIKUTNYA
INDIVIDU	Denda tidak melebihi RM50,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya	Denda tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya
PERTUBUHAN PERBADANAN	Denda tidak melebihi RM100,000.00	Denda tidak melebihi RM250,000.00

10.3 Penalti khusus bagi kesalahan di bawah Seksyen 10A(2) dan Seksyen 14(1) AKHAP 2011 adalah seperti berikut:

PERKARA	PENALTI KESALAHAN	
	KESALAHAN PERTAMA	KESALAHAN KEDUA/ BERIKUTNYA
INDIVIDU	Denda tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya	Denda tidak melebihi RM250,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya
PERTUBUHAN PERBADANAN	Denda tidak melebihi RM500,000.00	Denda tidak melebihi RM1,000,000.00

11. SALURAN PERTANYAAN

Mana-mana pihak yang ingin mendapatkan maklumat dan penerangan berhubung Garis Panduan ini boleh menghubungi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui Talian Bebas Tol **1-800-886-800** atau talian **03-8000-8000** 1Malaysia One Call Centre (1MOCC) atau rujuk kepada soalan lazim di laman sesawang kementerian atau hadir sendiri ke mana-mana pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri atau Daerah.

12. PENUTUP

Garis Panduan ini hendaklah dipatuhi bagi menentukan peratusan *mark up* atau peratusan margin bagi harga jualan barangan.

Dikeluarkan oleh:

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri,
Koperasi dan Kepenggunaan

Cetakan Pertama: 2017

LAMPIRAN A
SENARAI BARANGAN PILIHAN UTAMA
PENGGUNA

SENARAI BARANGAN MAKANAN DAN MINUMAN

BIL	MAKANAN & MINUMAN	CONTOH MAKANAN / MINUMAN
1	Makanan Di Luar Rumah – semua makanan yang dimasak di restoran termasuk restoran makanan segera	<ul style="list-style-type: none"> • Makanan segera – burger, ayam goreng, pizza, lunch set, dinner set • Sate • Nasi – nasi lemak, nasi ayam, nasi briyani, nasi campur, nasi putih, nasi goreng, roasted pork rice • Mee, bihun, kuey teow goreng • Lauk – udang, sayur campur • Roti canai • Kari – ikan, ayam, daging • Murtabak
2	Beras, Roti dan Bijirin Lain	<ul style="list-style-type: none"> • Beras – beras biasa, beras wangi, beras pulut • Tepung dan bijirin lain – tepung gandum, tepung beras, oatmeal, bijirin campuran nestum, corn flakes, papadom, snek/makanan ringan • Biskut • Roti dan kuih – roti, muffin, bun, kuih, kek, roti canai segera, tempeyek, roti bakar • Keluaran lain yang dibuat daripada bijirin – bihun, mee, mee segera, laksa, spageti, kuey teow
3	Daging	<ul style="list-style-type: none"> • Daging segar – daging lembu, daging kambing, daging babi, ayam, hati, paru-paru • Daging beku – daging lembu (import), daging babi (frozen), kepek ayam, paha ayam • Daging yang diproses – ayam panggang, daging babi panggang, daging dalam tin, frankfurters, daging burger
4	Ikan dan Makanan Laut	<ul style="list-style-type: none"> • Ikan segar • Makanan laut segar – ketam, udang, sotong, siput sedut, lala • Ikan dan makanan laut yang diproses – sotong kering, udang kering, ikan bilis, budu, cencalok, keropok ikan, bebola ikan, kek ikan, sardin, ikan masin, ikan rebus, sotong dalam tin, sambal ikan bilis dalam tin
5	Susu, Keju dan Telur	<ul style="list-style-type: none"> • Susu segar dan dibancuh semula – susu segar, susu penuh krim, krim • Susu cair/pekat – susu pekat manis, susu sejat • Susu tepung dan keluaran susu lain – susu tepung, susu bayi, yogurt rendah lemak, susu rendah lemak, keju • Telur – telur ayam, telur itik (masin-tempatan dan import), telur kolesterol rendah
6	Minyak dan Lemak	<ul style="list-style-type: none"> • Mentega, minyak dan lemak binatang yang disediakan • Minyak – minyak sawit, minyak jagung • Marjerin, mentega kacang dan lain-lain
7	Buah-buahan	<ul style="list-style-type: none"> • Buah-buahan segar – buah-buahan segar tempatan dan import • Buah-buahan yang diproses – laici dalam tin, kismis • Kelapa dan kacang – kelapa, kacang tanah, santan segar, santan segera, gajus
8	Sayur-sayuran	<ul style="list-style-type: none"> • Sayur-sayuran segar – sayur-sayuran segar tempatan dan import • Sayur-sayuran yang dikering/jeruk – kacang hijau, tauhu lembut dan keras, tauhu kering, tempe, kobis masin • Ubi kentang dan ubi lain – ubi kentang, ubi kayu, ubi keladi, kerepek ubi

9	Gula, Jem, Madu, Coklat dan Manisan	<ul style="list-style-type: none"> • Gula – gula putih kasar • Coklat, gula-gula dan aiskrim – coklat, coklat masakan, gula-gula, gula-gula getah, aiskrim • Jem, madu dan lain-lain – jem, kaya
10	Keluaran Makanan Tidak Terkelas di Mana-Mana	<ul style="list-style-type: none"> • Rempah-rempah – cili kering, asam jawa, belacan, pes tomyam, serbuk cili, serbuk kari, rempah sup, serbuk kunyit, kunyit hidup, serai, lengkuas • Makanan lain – garam, kicap, sos, ajinomoto, mayonis
11	Minuman	<ul style="list-style-type: none"> • Kopi – serbuk kopi, kopi 3 dalam 1 • Teh, koko dan lain-lain – teh, milo, horlicks • Air mineral, minuman ringan, jus buah, jus sayuran, kordial

SENARAI BARANGAN ISI RUMAH TIDAK TAHAN LAMA DAN PRODUK PENJAGAAN DIRI

BIL	BARANGAN ISI RUMAH TIDAK TAHAN LAMA	PRODUK PENJAGAAN DIRI
1	Pencuci Pakaian (Cecair dan Serbuk)	Berus Gigi (Tidak Termasuk Berus Gigi Elektrik)
2	Sabun Pencuci Pakaian (Bar)	Ubat Gigi
3	Pelembut Kain	Flos (Benang) Gigi
4	Pencuci Pinggan Mangkuk (Cecair dan Pes)	Bedak Talkum
5	Pencuci Bilik Mandi	Losyen, Krim, Gel (Muka, Badan, Tangan, Kaki)
6	Pencuci Mangkuk Tandas	Pencuci Muka / Skrub
7	Pencuci Lantai	Deodoran & <i>Anti-Perspirants</i>
8	Pencuci Tingkap & Cermin	Minyak Wangi / Semburan Badan
9	Peluntur & Penanggal Kotoran	Minyak, Krim & Gel Rambut
10	Semua Jenis Berus	Sabun Mandi
11	Span	Gel Mandian
12	Semua Jenis Penyapu & Mop	Syampu dan Perapi Rambut
13	Semua Jenis Ubat Nyamuk	Lampin Pakai Buang (Bayi & Dewasa)
14	Aerosol Serangga	Tuala Wanita
15	Bateri Primer (Sekali Guna)	Tisu Tandas

16	Plastik Sampah	Kertas Tisu
17	Lilin (Putih)	Tisu Basah
18	Tisu Dapur	Sabun, Krim & Buih Pencukur
19	Pencuci Saluran Tersumbat	Penyegar Nafas
20	Penyegar Udara Rumah	Pisau Pencukur & Mata Pisau (Tidak Termasuk Pencukur Elektrik)

LAMPIRAN B
PERATURAN-PERATURAN
KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN
(MEKANISME UNTUK MENENTUKAN KEUNTUNGAN
TINGGI YANG TIDAK MUNASABAH BAGI BARANGAN)
2016

AKTA KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN 2011

PERATURAN-PERATURAN KAWALAN HARGA DAN ANTIPENCATUTAN (MEKANISME UNTUK MENENTUKAN KEUNTUNGAN TINGGI YANG TIDAK MUNASABAH BAGI BARANGAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 15 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 [*Akta 723*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah bagi Barangan) 2016**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

Pemakaian

2. Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai bagi kelas barangan yang berikut:

(a) makanan dan minuman; dan

(b) barangan isi rumah.

Tafsiran

3. (1) Bagi maksud Peraturan-Peraturan ini—

“barangan isi rumah” ertinya barangan isi rumah tidak tahan lama dan produk penjagaan diri, tidak termasuk produk kosmetik, yang dibeli atau digunakan bagi maksud diri, keluarga atau isi rumah;

“harga jualan” ertinya harga apa-apa barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual tidak termasuk semua cukai, duti dan caj Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;

“harga jualan murah” ertinya harga barangan yang ditunjukkan mengikut apa-apa cara sebagai kurang daripada harga yang barangan itu, atau barangan yang sama perihalan atau sama kelas itu, dijual atau ditawarkan untuk dijual sebelum itu;

“harga pengenalan” ertinya harga pengenalan bagi apa-apa barangan baharu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual;

“makanan dan minuman” ertinya tiap-tiap barang yang dikilang, dijual atau diberi gambaran untuk digunakan sebagai makanan atau minuman untuk kegunaan manusia atau yang masuk ke dalam atau digunakan dalam kandungan, penyediaan, pengawetan, apa-apa makanan atau minuman dan termasuklah konfeksi, bahan kunyahan dan apa-apa ramuan bagi makanan, minuman, konfeksi atau benda kunyahan itu;

“sama kelas” ertinya kefungsiannya atau kelas bagi apa-apa barangan adalah sama sebagaimana yang ditentukan oleh orang yang menjual atau menawarkan untuk menjual barangan itu;

“sama perihalan” ertinya jenis, kuantiti atau kualiti bagi setiap unit apa-apa barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual adalah sama;

“tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu” ertinya tahun kewangan atau tahun kalendar yang dalamnya penentuan keuntungan tinggi yang tidak munasabah berdasarkan peratusan tokok atau peratusan margin bagi apa-apa barangan tertentu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dibuat.

(2) Apa-apa ungkapan atau petunjuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung, dengan apa jua cara pun yang digunakan atau diberikan dalam perjalanan perdagangan atau perniagaan, yang menunjukkan atau berkemungkinan difahami sebagai menunjukkan bahawa harga yang barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual adalah kurang daripada harga yang barangan itu, atau barangan yang sama perihalan atau sama kelas itu, dijual atau ditawarkan untuk dijual sebelum itu hendaklah dikira sebagai suatu petunjuk bahawa orang yang menggunakan ungkapan

itu atau memberikan petunjuk itu menjual atau menawarkan untuk menjual barangan itu dengan harga jualan murah.

(3) Ungkapan yang disebut dalam subperaturan (2) termasuk ungkapan “jualan”, “diskaun”, “pengurangan”, “belian terbaik”, “harga terbaik”, “caj terbaik”, “harga istimewa”, “caj istimewa”, “harga runtuh”, “harga lebih murah setiap hari” atau “tawaran separuh harga”.

Mekanisme untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah

4. Keuntungan ditentukan sebagai tinggi yang tidak munasabah jika—

(a) peratusan tokok bagi apa-apa barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada mana-mana tarikh dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu melebihi peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu, sebagaimana yang dikira mengikut formula yang dinyatakan dalam peraturan 5; atau

(b) peratusan margin bagi apa-apa barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada mana-mana tarikh dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu melebihi peratusan margin bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu, sebagaimana yang dikira mengikut formula yang dinyatakan dalam peraturan 6.

Formula untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah berdasarkan peratusan tokok bagi barangan

5. (1) Formula untuk menentukan bahawa keuntungan adalah tinggi yang tidak munasabah berdasarkan peratusan tokok bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu hendaklah seperti yang berikut:

P_B melebihi P_A

$$P_A = X_1 + Y$$

$$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$$

$Y = T_1$ or T_2 , yang mana-mana lebih tinggi

$$T_1 = (X_1 - X_2)$$

$$T_2 = (X_2 - X_3)$$

$$X_2 = \frac{SP_2 - C_2}{C_2} \times 100$$

$$X_3 = \frac{SP_3 - C_3}{C_3} \times 100$$

$$P_B = \frac{SP_B - C_B}{C_B} \times 100$$

iaitu P_A ialah peratusan tokok bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

X_1 (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual

pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) berhubung dengan perenggan (b) bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum jualan murah itu;

(c) berhubung dengan perenggan (c) bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan baharu itu pada tarikh barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas harga pengenalan itu;

(d) berhubung dengan perenggan (d) bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(e) berhubung dengan perenggan (e) bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) berhubung dengan perenggan *(f)* bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP_1 *(a)* ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum suatu harga jualan murah jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga jualan murah itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(c) ialah harga jualan bagi barangan baharu itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas suatu harga pengenalan jika barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga pengenalan itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(d) ialah harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(e) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga yang lebih rendah daripada kos pada hari pertama tahun kewangan atau tahun calendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan

atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika perniagaan tidak beroperasi pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_1 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_1 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu;

Y ialah nilai T_1 atau T_2 , yang mana-mana lebih tinggi;

T_1 ialah perbezaan antara peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu dengan peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

T_2 ialah perbezaan antara peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu dengan peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

X_2 (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi SP_2 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) berhubung dengan perenggan (b) bagi SP_2 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum jualan murah itu;

(c) berhubung dengan perenggan (c) bagi SP_2 , ialah peratusan tokok bagi barangan baharu itu pada tarikh barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas harga pengenalan itu;

(d) berhubung dengan perenggan (d) bagi SP_2 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan

untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(e) berhubung dengan perenggan (e) bagi SP_2 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) berhubung dengan perenggan (f) bagi SP_2 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP_2

(a) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau

atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum suatu harga jualan murah jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga jualan murah itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(c) ialah harga jualan bagi barangan baharu itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas suatu harga pengenalan jika barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga pengenalan itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(d) ialah harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(e) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga yang lebih rendah daripada kos pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika perniagaan tidak beroperasi pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_2 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_2 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu;

- X_3 (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi SP_3 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
- (b) berhubung dengan perenggan (b) bagi SP_3 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum jualan murah itu;
- (c) berhubung dengan perenggan (c) bagi SP_3 , ialah peratusan tokok bagi barangan baharu itu pada tarikh barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas harga pengenalan itu;
- (d) berhubung dengan perenggan (d) bagi SP_3 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
- (e) berhubung dengan perenggan (e) bagi SP_3 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama

tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) berhubung dengan perenggan *(f)* bagi SP_3 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP_3 *a)* ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum suatu harga jualan murah jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga jualan murah itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(c) ialah harga jualan bagi barangan baharu itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas suatu harga pengenalan jika barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga pengenalan itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(d) ialah harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(e) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga yang lebih rendah daripada kos pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika perniagaan tidak beroperasi pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_3 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_3 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu;

P_B ialah peratusan tokok bagi barangan yang disebut dalam SP_B pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP_B ialah harga jualan bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada mana-mana tarikh dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_B ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_B yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), barangan yang disebut dalam P_A dan P_B hendaklah merupakan barangan yang sama perihalan atau sama kelas.

(3) Bagi maksud subperaturan (1), jika X_1 tidak wujud disebabkan oleh—

(a) barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(b) perniagaan itu wujud hanya pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu,

X_1 hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$$

- iaitu X_1
- (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau
- (b) berhubung dengan perenggan (b) bagi SP_1 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP₁ (a) ialah harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak pernah dijual atau ditawarkan untuk dijual sebelum hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(b) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika perniagaan itu tidak wujud sebelum hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C₁ ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam *SP₁* yang diambil kira dalam menentukan harga bagi jualan bagi barangan itu.

(4) Bagi maksud subperaturan (1), jika—

- (a) Y adalah bersamaan dengan kosong disebabkan oleh peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama, kedua dan ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu adalah sama; atau
- (b) Y adalah kurang daripada kosong disebabkan oleh penurunan dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga, kedua dan pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu, berturut-turut,

Y hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$Y = T_1 \text{ atau } T_2, \text{ yang mana-mana lebih tinggi}$$

$$T_1 = (X_1 - X_2)$$

$$T_2 = (X_2 - X_3)$$

$$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$$

$$X_2 = \frac{SP_2 - C_2}{C_2} \times 100$$

$$X_3 = \frac{SP_3 - C_3}{C_3} \times 100$$

- iaitu Y ialah nilai T_1 atau T_2 , yang mana-mana lebih tinggi;
- T_1 ialah perbezaan antara kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu dengan kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
- T_2 ialah perbezaan antara kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu dengan kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

- X_1 berhubung dengan SP_1 , ialah kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
- SP_1 ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada tarikh kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
- C_1 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_1 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu;
- X_2 berhubung dengan SP_2 , ialah kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
- SP_2 ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada tarikh

kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang kedua sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_2 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_2 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu;

X_3 berhubung dengan SP_3 , ialah kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP_3 ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada tarikh kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_3 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_3 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu.

(5) Bagi maksud subperaturan (1), jika Y tidak wujud disebabkan oleh—

- (a) barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
- (b) perniagaan itu wujud hanya pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau
- (c) barangan itu tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama, kedua atau ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu,

Y hendaklah dikira mengikut formula yang berikut:

$$Y = T_1$$

$$T_1 = (X_1 - X_2)$$

$$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{C_1} \times 100$$

$$X_2 = \frac{SP_2 - C_2}{C_2} \times 100$$

iaitu	Y	ialah nilai T_1 ;
	T_1	ialah perbezaan antara kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu dengan peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
	X_1	berhubung dengan SP_1 , ialah kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
	SP_1	ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada tarikh kenaikan pertama dalam peratusan tokok bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
	C_1	ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_1 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu;

- X_2
- (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi SP_2 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
 - (b) berhubung dengan perenggan (b) bagi SP_2 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau
 - (c) berhubung dengan perenggan (c) bagi SP_2 , ialah peratusan tokok bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
- SP_2
- (a) ialah harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak pernah dijual atau ditawarkan untuk dijual sebelum hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika perniagaan itu tidak wujud sebelum hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(c) ialah harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama pada atau selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama, kedua atau ketiga sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

C_2 ialah harga yang dibayar bagi pemerolehan atau pengeluaran barangan itu, dan kos yang ditanggung dalam menjual barangan itu, yang disebut dalam SP_2 yang diambil kira dalam menentukan harga jualan bagi barangan itu.

(6) Walau apa pun subperaturan (1), keuntungan bukanlah tinggi yang tidak munasabah jika P_B melebihi P_A disebabkan oleh pengurangan C_B dalam perjalanan atau penerusan perniagaan.

Formula untuk menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah berdasarkan peratusan margin bagi barangan

6. (1) Formula untuk menentukan bahawa keuntungan adalah tinggi yang tidak munasabah berdasarkan peratusan margin bagi barangan yang dijual atau ditawarkan untuk dijual dalam tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu hendaklah seperti yang berikut:

$$P_C \text{ melebihi } P_A$$

$$P_A = X_1 + Y$$

$$X_1 = \frac{SP_1 - C_1}{SP_1} \times 100$$

$Y = T_1$ atau T_2 , yang mana-mana lebih tinggi

$$T_1 = (X_1 - X_2)$$

$$T_2 = (X_2 - X_3)$$

$$X_2 = \frac{SP_2 - C_2}{SP_2} \times 100$$

$$X_3 = \frac{SP_3 - C_3}{SP_3} \times 100$$

$$P_C = \frac{SP_C - C_C}{SP_C} \times 100$$

- iaitu P_A ialah peratusan margin bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
- X_1
- (a) berhubung dengan perenggan (a) bagi SP_1 , ialah peratusan margin bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;
 - (b) berhubung dengan perenggan (b) bagi SP_1 , ialah peratusan margin bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum jualan murah itu;
 - (c) berhubung dengan perenggan (c) bagi SP_1 , ialah peratusan margin bagi barangan baharu itu pada tarikh barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas harga pengenalan itu;
 - (d) berhubung dengan perenggan (d) bagi SP_1 , ialah peratusan margin bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(e) berhubung dengan perenggan (e) bagi SP_1 , ialah peratusan margin bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu; atau

(f) berhubung dengan perenggan (f) bagi SP_1 , ialah peratusan margin bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama perniagaan selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

SP_1

(a) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(b) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik sebelum suatu harga jualan murah jika barangan itu dijual atau ditawarkan untuk

dijual pada harga jualan murah itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(c) ialah harga jualan bagi barangan baharu itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual sebaik selepas suatu harga pengenalan jika barangan baharu itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada harga pengenalan itu pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(d) ialah harga jualan bagi barangan itu pada tarikh barangan itu dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu jika barangan itu tidak dijual atau ditawarkan untuk dijual pada hari pertama tahun kewangan atau tahun kalendar yang pertama sebaik sebelum tahun kewangan atau tahun kalendar tertentu itu;

(e) ialah harga jualan bagi barangan itu yang dijual atau ditawarkan untuk dijual pada kali pertama yang melebihi kos selepas hari pertama tahun kewangan atau tahun

